

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JUNE 2016

Dr Mahathir sifatkan PAS buat silap besar

8/1 - 13/6/2016

Kuala Kangsar: Selepas membantu kempen Parti Amanah Negara di Parlimen Sungai Besar kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan kempen membantu calon parti serpihan PAS itu di Parlimen Kuala Kangsar pula, semalam.

Ketika berucap pada satu persidangan anjuran Pakatan Harapan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini, beliau terangterangan meminta pengundi menolak calon Barisan Nasional (BN) dan menyifatkan PAS 'bermimpi di siang hari' apabila meminta pengundi memilih parti itu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) ini.

Pada program turut dihadiri Lim Kit Siang, Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu dan calon parti itu, Dr Ahmad Termizi Ramli serta Presiden Hak Asasi Manusia (HAKAM,) Ambiga Sreenevasan, Dr Mahathir turut menyifatkan tindakan PAS meninggalkan pakatan pembangkang sebagai kesilapan besar.

Tak sertai parti politik

Beliau yang menegaskan tidak akan menyertai mana-mana parti politik dan menyatakan kesanggupannya kembali berkempen untuk pembangkang di PRK Kuala Kangsar, Khamis ini, kemudian menyertai program syarahan di Bukit Chandan yang turut disertai pemimpin pembangkang.

Majlis itu gamat seketika apabila jurucara majlis tersasul mengumumkan 'jangan sokong pembangkang', sebaik Dr Mahathir selesai berucap.

Sementara itu, Naib Presiden PAS, Idris Ahmad pada sidang media semalam, mengulangi pendirian parti itu yang tidak akan menyertai kumpulan Dr Mahathir bagi menyingkirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebaliknya lebih selesa bergerak bersendirian.

"PAS tak minat dan ia (tidak menyertai Pakatan Harapan) diyakini tidak mampu menjejaskan undi kepada PAS. Perjuangan kita jelas, untuk tukar kerajaan bukan individu, tapi Dr Mahathir mahu singkirkan Najib, itu bezanya. Dia mahu jatuhkan individu, itu hak dia, tapi PAS nak tukar kerajaan," katanya.



PAS tak minat dan ia (tidak menyertai Pakatan

Harapan) diyakini tidak mampu menjejaskan undi kepada PAS"

Idris Ahmad,
Naib Presiden PAS